

SOALAN LAZIM
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2017
BAYARAN KHAS TAHUN 2017

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
Pelaksanaan		
1.	Bagaimanakah Bayaran Khas Tahun 2017 dilaksanakan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan?	Bayaran Khas Tahun 2017 dibayar kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.
2.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke jawatan tetap sebelum atau pada 3 Oktober 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017?	Layak. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke jawatan tetap sebelum atau pada 3 Oktober 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.
3.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang baharu dilantik ke jawatan tetap pada atau selepas 4 Oktober 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017?	Tidak. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang baharu dilantik ke jawatan tetap pada atau selepas 4 Oktober 2017 tidak layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 kerana tidak memenuhi syarat telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
Pegawai Contract of Service		
4.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sekiranya beliau berkhidmat mulai 1 Februari 2017 hingga 31 Julai 2017 dan tidak lagi berkhidmat selepas tarikh tamat kontrak tersebut?	Layak. Pegawai layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.
5.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sekiranya beliau berkhidmat mulai 1 Februari 2017 hingga 31 Mei 2017 sahaja sedangkan tempoh kontrak sebenar bermula dari 1 Februari 2017 hingga 31 Julai 2017? Pegawai memilih untuk memendekkan tempoh kontraknya atas pilihan sendiri.	Tidak. Pegawai tidak layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan dan pegawai sendiri telah memilih untuk menamatkan perkhidmatan kontraknya sebelum tarikh tamat kontrak asal.
6.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sekiranya beliau telah berkhidmat melalui kontrak bermula dari 1 Disember 2017 hingga 31 Mei 2018?	Tidak. Pegawai tidak layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 kerana tidak memenuhi tempoh kontrak yang berkuat kuasa sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.
7.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sekiranya beliau telah berkhidmat melalui kontrak bermula dari 1 Mac 2016 hingga 28 Februari 2017?	Tidak. Pegawai tidak layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 kerana tidak memenuhi tempoh kontrak yang berkuat kuasa sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
8.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sekiranya beliau telah berkhidmat melalui kontrak yang pertama bermula dari 1 Februari 2017 hingga 31 Julai 2017 dan kemudian telah dilantik semula sebagai <i>Contract of Service</i> melalui kontrak baharu bermula pada 1 Disember 2017 hingga 31 Mei 2018?	<p>Layak. Pegawai layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 jika telah memenuhi tempoh kontrak berkuat kuasa sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut pada tahun 2017.</p> <p>Walaupun pegawai tidak memenuhi tempoh sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut bagi kontrak baharu, tempoh kontrak pertama bermula 1 Februari 2017 hingga 31 Julai 2017 adalah terpakai bagi pengiraan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut.</p> <p>Pembayaran Bayaran Khas Tahun 2017 adalah di bawah tanggungjawab jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat pada tarikh pembayaran.</p>
9.	Adakah pegawai <i>Contract for Service</i> layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2017?	Pemberian Bayaran Khas Tahun 2017 kepada pegawai <i>Contract for Service</i> adalah tertakluk kepada surat edaran Kementerian Kewangan yang boleh dimuat naik melalui portal Kementerian Kewangan.

Pekerja Sambilan Harian (PSH)

10.	Adakah seorang Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang telah berkhidmat pada tahun 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017?	Tidak. Pemberian Bayaran Khas Tahun 2017 ini tidak dipanjangkan kepada PSH.
-----	--	---

Pelantikan Dalam Perkhidmatan

11.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017?	Layak. Walaupun melibatkan dua (2) skim perkhidmatan yang berbeza, pegawai layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan
-----	--	---

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
		Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.
12.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke jawatan tetap pada 14 Disember 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 dengan mengambil kira beliau merupakan seorang bekas pegawai <i>Contract of Service</i> di Jabatan Persekutuan yang telah berkhidmat melalui kontrak terdahulu bermula 1 Februari 2017 hingga 30 September 2017?	<p>Layak. Pegawai layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 dengan syarat tempoh kontraknya sebagai seorang pegawai <i>Contract of Service</i> telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut pada tahun 2017.</p> <p>Walaupun tempoh perkhidmatan sebagai pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan lantikan tetap tidak mencukupi bagi pengiraan tempoh sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut pada tahun 2017, tempoh perkhidmatan sebagai seorang bekas pegawai <i>Contract of Service</i> di Jabatan Persekutuan melalui kontrak terdahulu bermula 1 Februari 2017 hingga 30 September 2017 adalah terpakai.</p> <p>Pembayaran Bayaran Khas Tahun 2017 adalah di bawah tanggungjawab jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat pada tarikh pembayaran.</p>

Hukuman Tatatertib

13.	Adakah pegawai yang telah dijatuuhkan hukuman tatatertib pada Disember 2016 dan hukuman pelaksanaannya berlanjutan melangkaui tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017?	<p>Layak. Pegawai layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 kerana hukuman tatatertib berkenaan telah dijatuuhkan pada tahun 2016 dan bukannya tahun 2017 walaupun pelaksanaannya melangkaui keseluruhan tahun 2017.</p> <p>Pegawai juga tertakluk kepada syarat telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam</p>
-----	---	--

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
		tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.
14.	Adakah pegawai yang dijatuhkan hukuman amaran pada tahun 2017 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kementerian/Jabatan layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017?	Tidak. Pegawai tidak layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 kerana hukuman amaran adalah turut merupakan salah satu daripada jenis hukuman tatatertib mengikut Perkara 38, P.U.(A) 395 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
Pesara		
15.	Adakah pegawai yang bersara sebelum atau pada 31 Mac 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017?	Layak di atas kadar pesara. Pegawai yang bersara sebelum atau pada 31 Mac 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM500.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kerana beliau tidak memenuhi syarat telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut pada tahun 2017.
16.	Adakah pegawai yang bersara dalam tempoh 1 April 2017 hingga 31 Disember 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017?	<p>Layak. Pegawai yang bersara dalam tempoh 1 April 2017 hingga 31 Disember 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.</p> <p>Pembayaran sebanyak RM500.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM500.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.</p>

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
17.	Adakah pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara <i>Contract of Service</i> layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017?	<p>Layak. Pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara <i>Contract of Service</i> layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 sahaja dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.</p> <p>Pembayaran sebanyak RM500.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM500.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat pada tarikh pembayaran.</p>
18.	Berapakah kadar Bayaran Khas Tahun 2017 yang layak diberi kepada pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang dilantik semula dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan?	<p>Pesara ATM yang dilantik semula ke dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 pada kadar RM1,000.00 sahaja dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017 dalam lantikan baharu tersebut.</p> <p>Pembayaran sebanyak RM500.00 akan dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran dan bakinya sebanyak RM500.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat pada tarikh pembayaran.</p>

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan		
19.	Adakah penerima pencen terbitan bagi pegawai yang meninggal dunia dalam tempoh 31 Mac 2017 hingga 31 Disember 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017?	<p>Layak. Penerima pencen terbitan bagi pegawai yang meninggal dunia dalam tempoh 31 Mac 2017 hingga 31 Disember 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.</p> <p>Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM500.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, manakala baki sebanyak RM500.00 akan dibuat oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.</p>
20.	Adakah penerima pencen terbitan bagi pegawai yang meninggal dunia sebelum atau pada 30 Mac 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017?	Penerima pencen terbitan bagi pegawai yang meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 30 Mac 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM500.00 kerana pegawai tidak memenuhi syarat telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut pada tahun 2017.
Pengkorporatan/ Penswastaan dan Pengasingan		
21.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di agensi awam yang dikorporatkan/ diswastakan atau diasingkan saraannya dan memilih untuk kekal dalam Sistem Saraan JKK/ SSB/ SSM layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017?	Layak. Pegawai layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
		Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.
Meletak Jawatan/ Berhenti/ Ditamatkan Perkhidmatan		
22.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/ berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam pada tahun 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017?	Tidak. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/ berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam pada tahun 2017 tidak layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan.